



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI UTAMA TENGGU ADNAN BIN TENGGU MANSOR
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN 'iCHEF 2017'
"PUTRAJAYA INTERNATIONAL FOOD AND CULTURAL
EXCHANGE FESTIVAL 2017"**

**PADA 25 MAC 2017 (SABTU)
BERTEMPAT DI PENTAS UTAMA, FESTIVAL ICHEF 2017
DATARAN PERDANA, PRESINT 3, PUTRAJAYA**

Bismillah hirrahmanirrahim,

Terima kasih Saudara/i pengacara majlis,

(Senarai saluti akan dibekalkan oleh pihak penganjur)

Wakil-wakil media,

**YBhg. Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang
saya hormati sekalian,**

**Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh, Salam Sejahtera
dan Salam 1 Malaysia.**

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin kurniaNya kita dapat bersama-sama berhimpun untuk meraikan malam perasmian sempena *Putrajaya International*

Food & Cultural Exchange Festival atau lebih dikenali dengan iCHEF Malaysia 2017.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan juga ucapan terima kasih kepada pihak Penganjur Utama Festival ICHEF MALAYSIA 2017 iaitu Badan Amal Kasih Ibu Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya, PENCINTA dan juga Finemen Holdings Sdn Bhd, dengan sokongan dari Kementerian Wilayah Persekutuan, maka dapatlah memastikan festival sepanjang tiga hari ini berjalan dengan lancar dan jayanya. Insyallah.
3. Saya merasa kagum dengan semangat berpasukan yang ditunjukkan oleh jawatankuasa penganjur menggembeling tenaga memastikan Festival iCHEF 2017 ini berjalan lancar dengan pelbagai aktiviti dan pengisian yang telah dirancang selia sejak dari mula perancangan festival ini diatur. Di sini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas atas penganjuran Festival iCHEF Malaysia 2017.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Untuk pengetahuan semua **“iCHEF Malaysia 2017”** ini bukan sahaja bertujuan untuk mempromosikan produk makanan dan budaya yang ada di Malaysia sahaja tetapi untuk mewujudkan satu platform antarabangsa yang dapat memberi peluang kepada komuniti antarabangsa untuk memperkenalkan identiti dan budaya negara-negara yang berada di dalam 6 benua dunia ini.

5. Adalah diharapkan **iCHEF Malaysia 2017** ini juga akan memberi peluang kepada usahawan tempatan memberi fokus kepada jati diri, kualiti, sistem dan penjenamaan, seterusnya melebarkan sayap ke luar negara. Ini adalah kerana bidang kulinari semakin mendapat perhatian antarabangsa sebagai satu platform yang mempromosikan keunikan kesenian dan kebudayaan sesebuah negara.
6. Saya juga berbesar hati bahawa Putrajaya menjadi destinasi tumpuan utama bagi **iCHEF 2017** kerana ia selaras dengan usaha kerajaan kita untuk mempromosikan Putrajaya sebagai sebuah Wilayah Persekutuan yang terpilih untuk penganjuran program ataupun acara antarabangsa yang berskala besar.
7. Saya difahamkan bahawa, petang tadi kita telah berjaya mengumpulkan lebih dari 4000 Chef yang datang dari dalam negara dan juga luar negara dalam penyertaan **iCHEF 2017** ini. Acara ini juga telah mendapat pengikhtirafan **MALAYSIA BOOK OF RECORDS** dan juga pengikhtirafan **GUINNESS BOOK WORLD RECORDS**.
8. Alhamdulillah. Ini bermakna kita telah mencipta rekod dunia di mana Malaysia berjaya mengadakan **Perhimpunan Terbesar Chef Seluruh Dunia** buat pertama kalinya. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua yang bertungkus-lumus menjayakan program ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Saya juga ingin melahirkan rasa bangga di atas usahasama penganjur dan juga jawatankuasa Chef Zubir kerana menjadikan ***iCHEF 2017*** ini sebagai satu platform untuk penganjuran pertandingan di antara Chef-Chef seluruh Malaysia dan juga antarabangsa yang dinamakan '***iCHEF BATTLE OF THE SIX CONTINENTS***'.
10. Saya berharap, agar penganjuran festival ini dapat membuka mata dunia amnya dan mencintai akan keindahan budaya, tradisi dan makanan Malaysia seterusnya menaikkan nama Malaysia di persada dunia.
11. **Dengan lafaz suci bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Putrajaya International Food & Cultural Exchange Festival, iCHEF Malaysia 2017.**
12. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamu'alaikum wbt. Terima kasih.